

Yang Amat Berbahagia Tun Arifin Zakaria
Mantan Ketua Hakim Negara

Yang Amat Berbahagia Tun Raus Sharif
Mantan Ketua Hakim Negara

Yang Berhormat Dato' Liew Vui Keong
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YAA Tan Sri Dato Sri Ahmad Bin Hj Maarop
Presiden Mahkamah Rayuan dan YBhg Puan Sri Datin Sri Zainon binti Haji
Zainuddin

YAA Dato David Wong Dak Wah
Hakim Besar Sabah dan Sarawak dan YBhg Datin Janet Wong Ying Kin

Yang Berbahagia Tuan Tommy Thomas
Peguam Negara Malaysia

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah
Rayuan dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

Yang Berbahagia Dato Sri Latifah Haji Mohd Tahar
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Yang Berusaha Encik Wan Khairil Anuar bin Wan Mohamed
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Encik George Varughese
Presiden Majlis Peguam Malaysia

Dif-dif kehormat, hadirin dan hadirat sekalian.

Salam sejahtera dan Selamat petang.

Pertamanya, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Majilis Raja-Raja di atas perlantikan saya sebagai Ketua Hakim Negara Malaysia yang ke-15, YAA Tan Sri Dato Sri Ahmad Bin Hj Maarop sebagai Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Tan Sri Zaharah Binti Ibrahim sebagai Hakim Besar Malaya dan YAA Dato David Wong Dak Wah sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Dif-dif kehormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya amat bersyukur dapat bertemu dengan Tuan/Puan pada hari ini sebagai Ketua Hakim Negara. Saya juga bersyukur dengan perlantikan ini. Dengan rasa rendah hati saya mengambil tanggungjawab ini daripada YAA Tun Raus Sharif yang telah berkhidmat untuk Badan Kehakiman selama 24 tahun. Terima kasih kepada beliau serta YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli Ahmad Makinuddin. Saya hanya berharap saya (dengan bantuan dan kerjasama semua di dalam Badan ini) dapat meneruskan usaha murni memacu Badan ini.

Dengan setulus hati, saya mengucapkan tahniah atas pelantikan YAA Tan Sri Dato' Wira Ahmad bin Maarop sebagai Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Tan Sri Datuk Zaharah binti Ibrahim sebagai Hakim Besar Malaya dan YAA Datuk David Wong Dak Wah sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Kepada rakan-rakan hakim sekalian, ahli badan peguam serta rakyat Malaysia secara amnya, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan maklum balas yang diterima. Saya akan berusaha dengan sedaya upaya untuk memenuhi kepercayaan yang diberikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Adalah amat penting bagi saya sebagai Ketua Hakim Negara untuk mengambil pendekatan baru dalam menerajui Badan Kehakiman. Memandangkan ini merupakan ucapan pertama saya sebagai Ketua Hakim Negara, saya merasakan beberapa pendekatan baru bakal dilaksanakan dalam Badan Kehakiman. Namun buat masa sekarang, saya tidak bercadang menghuraikan secara terperinci polisi-polisi atau cadangan pembaharuan tersebut. Saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi maklumat awal dan ringkas mengenai pembaharuan yang bakal diperkenalkan. Pembaharuan tersebut adalah dari tiga aspek teras untuk perlaksanaan segera.

Yang pertama ialah pengurusan struktur Badan Kehakiman. Konsep pengurusan bersama dan berkumpulan (collective leadership) di mana hakim-hakim yang memegang empat jawatan tertinggi (Top 4) adalah diberi kuasa dan tanggungjawab yang sama dalam segala hal berkaitan polisi dan penyertaan dalam pengurusan Badan Kehakiman. Langkah ini dilihat lebih berkesan dalam memberikan kuasa dan pembahagian tanggungjawab antara empat Hakim Kanan (Top 4).

Setiap peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi akan diterajui oleh Hakim-Hakim Kanan mengikut peranan seperti mana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Hakim-Hakim Kanan tersebut akan bertanggungjawab untuk menguruskan perihal Mahkamah masing-masing. Saya berharap usaha ini dapat meningkatkan keberkesaan sistem penyampaian Badan Kehakiman.

Bidang keutamaan yang kedua ialah pengurusan panel dan pengendalian kes-kes Mahkamah Persekutuan. Saya mencadangkan supaya ahli-ahli panel dipilih dan ditentukan secara terasnya melalui undian bagi mengelakkan sebarang tohmahan mahupun unsur-unsur negatif dalam pembahagian kes serta pemilihan panel. Pembentukan panel di Mahkamah Persekutuan haruslah berdasarkan kepada jenis kes yang dijadualkan, contohnya seperti yang berikut:

- Kes-kes yang melibatkan kepentingan Perlembagaan bakal didengar oleh panel 9 ahli yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Persekutuan,

iaitu 4 Hakim Tertinggi dan 5 lagi Hakim Mahkamah Persekutuan akan dipilih secara undian;

- Kes-kes kepentingan awam akan didengar oleh panel 7 ahli yang terdiri daripada 4 Hakim Tertinggi dan 3 lagi Hakim Mahkamah Persekutuan akan dipilih melalui cara yang sama;
- Kes-kes rayuan yang lain akan didengar oleh panel 5 ahli yang akan dipengerusikan oleh salah seorang Hakim Tertinggi manakala 4 ahli panel dipilih secara undian; dan
- Kes-kes permohonan kebenaran merayu akan didengar (seperti sekarang) iaitu oleh panel dengan 3 ahli yang akan ditentukan secara undian (tertakluk kepada kelapangan Hakim-Hakim mengikut kekananan – the most senior available).

Sebagai tambahan, kes-kes rayuan yang berasal dari Mahkamah-Mahkamah Sabah dan Sarawak ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan pula akan didengar oleh panel yang akan dianggotai oleh sekurang-sekurangnya seorang Hakim yang berasal dari Sabah atau Sarawak.

Hadirin hadirat sekalian,

Aspek ketiga yang menjadi perhatian saya ialah mewujudkan pengurusan dalaman yang jitu. Saya berhasrat memperkenalkan sistem ‘time-sheet’

yang telah saya perkenalkan dua tahun yang lalu di Mahkamah-Mahkamah Sabah dan Sarawak. Sistem ini yang dilaksanakan secara berkomputer bagi tujuan menggalakkan pengurusan masa Mahkamah yang lebih berkesan di kalangan Hakim-Hakim dan para pegawai kehakiman.

Akhir kata, dalam kesempatan ini, saya ingin menekankan bahawa Badan Kehakiman tidak wujud dengan sendirinya tetapi Badan ini akan dapat berfungsi dengan baik hanya dengan kerjasama padu daripada kita semua sebagai pegawai-pegawai Mahkamah ('officers of the Court'). Saya sendiri akan berusaha sedaya upaya saya menggalas tugas ini demi Badan Kehakiman dan negara kita berpandukan keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Sekian, terima kasih.